

17 FEB 2004

Khalid-Giat Mara

PUSAT GIAT MARA AKAN DINAIK TARAF JADI KOLEJ KOMUNITI

KUALA TERENGGANU, 17 Feb (Bernama) -- Pusat Giat Mara akan berubah sama sekali daripada segi bentuk dan bilangan kursus apabila ia dinaikkan taraf kepada Kolej Komuniti tidak lama lagi, kata Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Khalid Yunus.

Beliau berkata kementeriannya sedang berbincang dengan Perbendaharaan untuk mendapatkan peruntukan bagi menaikkan taraf pusat berkenaan kepada Kolej Komuniti, yang dianggarkan menelan belanja RM300 juta.

"Pengumuman menaikkan taraf Pusat Giat Mara kepada Kolej Komuniti telah dibuat oleh (bekas Perdana Menteri) Tun Dr Mahathir Mohamad sewaktu membentangkan belanjawan 2004 tahun lepas," katanya selepas merasmikan Makmal Literasi Komputer dan Bengkel Inkubator Pusat Giat Mara Bukit Payong dekat sini hari ini.

Khalid berkata beberapa kursus baru yang bersesuaian dengan keperluan semasa akan ditawarkan selepas pusat berkenaan dinaikkan taraf di samping menyediakan kemudahan asrama serta kelengkapan latihan yang lebih baik.

Katanya dalam Rancangan Malaysia Ke-8, sebanyak 36 buah pusat Giat Mara akan diwujudkan di seluruh negara dan daripada jumlah itu, 20 buah sudah siap dan sedang beroperasi melibatkan seramai 2,400 pelatih.

Manakala 16 buah lagi dijangka siap hujung tahun ini dan dapat menampung sebanyak 1,920 pelatih baru, katanya.

Beliau berkata setiap pusat Giat Mara akan membuat pengambilan 60 pelatih setiap enam bulan dengan menyediakan 27 jenis kursus, bergantung kepada keperluan dan kesesuaian tempat berkenaan.

"Giat Mara di sini, umpamanya, menyediakan tiga kursus iaitu Teknologi Automotif Kenderaan Komersil, Mengetuk dan Mengecat Kenderaan serta membuat barangan Fibre Glass," katanya.

Khalid berkata, sejak ditubuhkan pada 1988, sebanyak 1,525 syarikat telah ditubuhkan oleh bekas pelatih pusat itu di seluruh negara, dan

ia
merupakan satu kejayaan bagi pusat Giat Mara.

"Bagi Pusat Giat Mara Bukit Payong, sebanyak 25 bekas pelatih telah menubuhkan syarikatnya sendiri," katanya.

Beliau berkata pelatih lepasan Pusat Giat Mara juga akan diberi kemudahan pinjaman di bawah peruntukan kementerian apabila hendak memulakan perniagaan.

"Bagi pelatih yang ingin mendapatkan modal untuk memulakan perniagaan, permohonan mereka akan dimasukkan dalam Program Usahawan Teknikal," katanya.

-- BERNAMA
TAJ ERE AM